

SULIT

NAMA :

TINGKATAN :

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU KERTAS 2

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2
SEPTEMBER
2 ½ jam**

1103/2

Dua jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
 2. *Jawab semua soalan.*
 3. *Jawapan bagi soalan 2 (b), soalan 2 (c), soalan 2 (d) dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan tingkatan 5.*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

Lihat sebelah

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang ***punca-punca berlakunya obesiti dan tindakan ibu bapa untuk mengatasinya***. Panjang rumusan anda hendaklah tidak **melebihi 120 patah perkataan**.

Obesiti didefinisikan sebagai pengumpulan lemak yang tidak normal atau berlebihan, yang boleh memudaratkan kesihatan. Mengikut data rasmi Kementerian Kesihatan, kadar obesiti kanak-kanak negara ini adalah 15 peratus, tetapi jumlah itu dipercayai lebih tinggi sekarang terutama di Kuala Lumpur dan Selangor yang mencecah antara 30 hingga 40 peratus.

Di Malaysia, masalah ini berkait rapat dengan kegagalan ibu bapa menyediakan makanan yang berkhasiat di rumah. Ibu bapa juga gemar membawa keluarga makan di luar terutama pada waktu malam atas alasan tidak sempat untuk memasak. Presiden Persatuan Pediatrik Malaysia (MPA), Prof Dr Zulkifli Ismail, berkata masalah itu lebih ketara terutama di kawasan Pantai Barat seperti di Lembah Klang yang sudah menjadi kebiasaan dengan cara hidup sedemikian. Keadaan menjadi semakin kronik apabila gaya hidup yang lebih kepada bersenang-lenang seperti menonton, dan bermain komputer menjadi amalan kebanyakan kanak-kanak pada hari ini. Lebih daripada 76% kanak-kanak di Malaysia menghabiskan masa mereka untuk menonton televisyen dan bermain komputer.

Pengambilan makanan yang berlemak dan berkalori tinggi dalam makanan segera juga menyumbang kepada obesiti. Bayangkan, si kecil telah didedahkan dengan makanan segera yang mengandungi banyak lemak pada usia awal lagi. Ibu bapa seharusnya menyedari bahawa obesiti boleh menjelaskan kehidupan sehari-hari anak-anak mereka termasuk sering tercungap-cungap, berasa gelisah atau mengalami masalah tidur. Sesetengah ibu bapa pula tidak mengawal pemakanan anak-anak kerana tidak tahu sama ada berat badan mereka ideal, terlebih atau obes.

Corak pemakanan semasa kanak-kanak di negara ini menunjukkan kanak-kanak lebih gemar sajian mengandungi kadar gula yang tinggi seperti donut manis, mufin, dan coklat roti krim yang banyak dijual di kantin-kantin sekolah. Penurunan aktiviti fizikal lantaran terlalu menumpukan perhatian terhadap aktiviti lain termasuk sibuk menghadiri kelas-kelas tuisyen di samping kurang bersenam turut menjadi penyumbang kepada obesiti. Seorang kanak-kanak berusia antara dua hingga 10 tahun sebenarnya perlu menikmati lima kumpulan hidangan iaitu bijian, buah-buahan dan sayur-sayuran, daging dan protein, tenusu serta minyak, gula dan garam dalam kadar tepat, seimbang serta dipelbagaikan. Namun begitu, kegagalan ibu bapa memahami kepentingan panduan piramid makanan telah menyebabkan anak-anak mengalami obesiti.

Obesiti dalam kalangan kanak-kanak tidak boleh dipandang mudah. Obesiti bukan masalah peribadi atau individu itu semata-mata tetapi turut menjelaskan pembangunan negara. Obesiti boleh menjelaskan masa depan kanak-kanak yang berperanan sebagai generasi muda negara pada masa akan datang.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana “**Tangani Obesiti Si kecil**,” Utusan Malaysia, Julai, 2011)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **semakin kronik** dalam petikan di atas?

[2 markah]

- (ii) Apakah kesan buruk yang sering dialami oleh kanak-kanak yang obesiti?

[3 markah]

- (iii) Tindakan mengharamkan iklan makanan ringan dan makanan segera menerusi media massa merupakan langkah terbaik mengawal amalan pemakanan kurang sihat dalam kalangan kanak-kanak di negara kita.

Cadangkan langkah-langkah lain yang boleh diambil oleh pihak sekolah bagi menangani masalah ini.

[4 markah]

2(b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

PAK MAN: Ini semua kuasa Allah. Ombak besar itu tidak sampai ke rumah kita. Mujur ada pulau depan pantai kita. Kalau tidak, rumah kamu, rumah aku habis ranap. Kebetulan pula aku demam hari itu, tidak turun ke laut. Kalau tidak, aku sendiri tidak dapat ramal nasib aku ini, Sani (*Menyalakan rokok daun*) Kamu cuti lama?

SANI: Tengok pada keadaan, Pak Man. Sekiranya sudah jumpa, selesai kebumikan mayatnya dan buat kenduri arwah, mungkin selepas tujuh hari, saya baliklah. Tetapi sekiranya tidak jumpa lagi, saya akan temankan emak lama sikit.

PAK MAN : Bagus, kalau boleh biarlah kamu lama sikit tinggal dengan emak kamu itu. Aku sendiri turut risau tengok emak kamu. Hari-hari, sampai tengah malam baru balik dari pantai. Aku cemas tengok dia begitu. Aku takut kesihatannya terganggu.

SANI : Emak masih tidak percaya lagi, Pak Man. Saya sudah tidak tahu hendak lakukan apa lagi untuk pujuk emak.

PAK MAN : Betul, Sani. Memang susah nak cakap dengan emak kam. Aku suruh Mak Jah cuba pujuk, tetapi tidak berganjak sedikit pun dia. Yang aku sedih itu, apabila orang ke laut balik, dia terus menerpa dan bertanya. Sampai kadang-kadang mereka tidak mahu mendarat dekat pantai kita kerana jaga hati emak kamu. Semua orang sudah tidak larat hendak tengok air matanya. Aku tadi pun dia tanya. Apabila saja aku kata tak ada, air matanya itu macam anak air mengalir. Aku turut sama menangis.

(Dipetik daripada drama ‘Tiang Cengal Dinding Sayung’
oleh Suriani Mohd. Yusof dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan tindakan-tindakan emak Sani yang merisaukan hati Pak Man.
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah bantuan-bantuan yang boleh diberikan kepada mangsa bencana alam?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan dalam petikan drama di atas dan **satu** persoalan lain yang terdapat dalam keseluruhan drama.
[4 markah]

Soalan 2 (c) : Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syahadan, akan Yamtuan Muda pun mengamuk. Anak bininya habislah mati dibunuhnya. Tinggal seorang anaknya, perempuan. Niat hatinya, sudah habis mati anak bininya, hendak mengamuk ke dalam kota. Serta sudah ia membunuh anak isterinya, datanglah takut hatinya, lalu ia terjun, lari ke hutan kayu onak. Ia bersembunyi. Akan Yang Dipertuan Besar, “Tiada aku mahu lari, kerana besar sangat dosaku membunuh ayahanda baginda. Dan baiklah aku serahkan nyawaku, mana dengan perintah Yang Dipertuan.” Maka ia pun datang, dengan tiada berbulang dan tiada berkeris, persembahkan nyawa. Maka titah baginda kepada hulubalang baginda, “Tiada patut, orang sudah menyerahkan nyawanya kepada kita, tiada patut kita bunuh.” Dan tiada dibunuh baginda.

Maka orang pun datang membawa khabar, mengatakan Yamtuan Muda sudah membunuh anak isterinya. Maka titah baginda kepada Bendahara, “Akan sekarang bagaimana bicara ayah, mahukah mengikut bicara sahaya? Maka sembah Bendahara, “Mana titah patik junjung.” Titah Raja Kecil, “Dan kepada fikir sahaya, ayah hendak sahaya jadikan ayah kembali, jadi Bendahara.” Akan Yamtuan Muda, disuruh bunuh oleh Bendahara, sebab derhaka membunuh anak isterinya, tiada dengan izin baginda. Dan akan bonda baginda, Encik Apung, *kembali ke rahmatullah taala*, tiada sempat berpandangan dengan baginda.

(Dipetik daripada ‘Hikayat Siak’
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *kembali ke rahmatullah taala*. . [2 markah]
- (ii) Mengapa baginda tidak membunuh Yang Dipertuan Besar?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kebaikan pemerintah bersikap adil terhadap rakyatnya?
[3 markah]

Soalan 2(d) : Puisi Moden

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Harga Remaja

Berapakah sebenarnya harga remaja
yang bersih
dari gelodak kecewa
bagai kehijauan daun
bagai kesegaran pohon
di pinggir perjalanan ini?

Dengan apakah akan kaupenuhi
piala remajamu
adakah cuka kesangsian
dari cinta murah
atau madu ajaran
dari ilmu susah?

Remaja amat mahal
sesungguhnya
tiada terbeli oleh perjanjian
harga remaja adalah
pendirian
keberanian dan ilmu.

Penuhilah remajamu
dengan ketentuan tuju.

Rahman Shaari

Langit di Tangan, 1995

Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *ketentuan tuju*. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah anda dapat mengisi masa lapang dengan berfaedah ? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan daripada sajak di atas. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) mereka-reka
- (ii) menjadi-jadi
- (iii) merayu-rayu
- (iv) berapi-api
- (v) bersakit-sakit
- (vi) beransur-ansur

[6 markah]

(b) Tukarkan ayat yang bersusunan songsang di bawah kepada ayat bersusunan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Beberapa hari yang lalu Pak Abu telah menjual sawah di hujung kampung itu kepada seorang lelaki.,
- (ii) Walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah, belum pernah terdetik di hati Linda untuk meninggalkan kerjayanya sekarang
- (iii) Bagi memenangi pertandingan badminton yang akan datang, pasangan anak beranak itu berlatih dengan bersungguh-sungguh.

[6 markah]

(c) *Dalam ayat-ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu.. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Tenaga hidro ialah sumber tenaga yang paling meluas penggunaannya kerana mewakili 19 peratus daripada keseluruhan penjanaan tenaga elektrik.

- (ii) Pencuri motorsikal akan meleraikan bahagian-bahagiannya sebelum dijual kepada pihak lain yang bersubahat dengan kegiatan mereka yang bersalahan undang-undang itu.
- (iii) Tanaman buah-buahan yang diusahakan itu dapat mengimbang rutin harian beliau sebagai penulis lagi pun kegiatan itu memberikan kepuasan kepadanya.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
 - (i) Pemaju perumahan itu bankrap menyebabkan projek perumahan itu tergendala selama lima setengah tahun.
 - (ii) Lukisan yang paling cantik sekali dalam pameran itu memikat perhatian para pencinta seni tanah air.
 - (iii) Beribu orang penyokong Kelab Pemuda Johor membanjiri stadium itu untuk menyaksikan pertandingan bola sepak antara pasukan Johor dengan pasukan Kelantan yang berlangsung pada malam semalam.

[6 markah]

- (e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*
 - (i) Ibu bapa berperanan penting untuk mencorakkan kehidupan anak-anaknya. Hal ini disebabkan, semua perlakuan dan sikap anak-anak ditiru daan diambil daripada ibu bapa mereka. Jika ibu bapa seorang pemuzik, tidak mustahil anak mereka juga berkecenderungan menjadi ahli muzik.
 - (ii) Semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat bandar kian luntur. Hal ini demikian kerana masing-masing sibuk bekerja dan membuat hal masing-masing. Mereka juga bersikap mementingkan diri sendiri dan tidak mengendahkan hal masyarakat di sekeliling.
 - (iii) Ali yang telah dituduh mencuri dompet rakan sekelasnya berjumpa dengan guru disiplin untuk memberitahu bahawa bukan dia yang mencuri sebaliknya dia telah dianiyaya.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa...(akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir
- (v) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (vi) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari,uraikan **dua peristiwa menarik** dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu latar tempat** daripada setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT